

SOALAN NO: 81

Sebagai bukti bahawa sifat liberal dan pematuhan hak-hak asasi bersuara terlaksana dengan baik di negara ini, semua parti pembangkang di Malaysia bebas menerbitkan akhbar masing-masing tanpa sebarang sekatan dan dalam masa yang sama portal berita di alam siber diberikan ruang yang bebas untuk mengutarakan pendapat dan maklumat mengenai pelbagai perkara. Sebahagian besar daripada mereka berpandukan kepada suara-suara daripada pihak pembangkang.

Kerajaan sendiri telah mengambil beberapa langkah signifikan ke arah menjamin kebebasan media di negara ini termasuk memansuhkan keperluan untuk memperbaharui permit penerbitan setiap tahun. Manakala kuasa Menteri Dalam Negeri untuk menyekat atau menarik balik permit sesuatu penerbitan pula adalah tertakluk kepada semakan kehakiman.